

# Spratly: Deklarasi ASEAN, China dapat elak tindakan agresif sehalu

UM • 6 NOV 2002

PHNOM PENH 5 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, deklarasi yang dikeluarkan oleh ASEAN dan China mengenai tuntutan bertindih di Kepulauan Spratly dapat mengelakkan berlaku sebarang tindakan sehalu yang agresif di rantau ini.

Perdana Menteri berkata, konsensus yang dicapai melalui Deklarasi Mengenai Tatacara Pihak-pihak Yang Berkepentingan Di Laut China Selatan itu mencukupi untuk menangani keadaan di kawasan kepulauan tersebut walaupun lebih longgar daripada apa yang dicadangkan.

“Perkataan yang digunakan adalah longgar sedikit daripada cadangan asal tetapi ia tetap satu konsensus.

“Ia baik untuk menangani keadaan di Laut China Selatan tanpa tindakan unilateral agresif dari negara-negara yang berkenaan,” katanya.

Perdana Menteri mengulas mengenai deklarasi tersebut yang ditandatangani oleh para menteri ASEAN semalam pada sidang akhbar di hari terakhir Sidang Kemuncak ASEAN Kelapan di sini hari ini.

Inisiatif rundingan bagi menyelesaikan tuntutan bertindih itu dicadangkan oleh Malaysia dengan mengesyorkan pembentukan satu kod tatacara di kalangan negara-negara terlibat iaitu Malaysia, Brunei Darussalam, Vietnam, Filipina, Taiwan dan China.

Namun demikian, negara-negara berkenaan dalam deklarasi itu turut menyebut untuk berusaha menjadikannya sebagai pembuka jalan kepada pembentukan satu kod tatacara yang lebih kemas.

Menurut Perdana Menteri, kepentingan tercapainya konsensus mengenai pertikaian tersebut telah digambarkan kepada beliau oleh salah seorang wakil Filipina yang menghadiri sidang kemuncak berkenaan.

“Beliau menyatakan kepada saya bahawa dia sudah cukup gembira sekiranya sidang kemuncak kali ini hanya menandatangani satu perjanjian (deklarasi) itu sahaja,” kata Perdana Menteri. — *Utusan*